

Ruj Kami : ST (IP/JKE) KE/19/01( 17 )  
Tarikh : 10 September 2015

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia.  
T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78

Semua Pengilang & Pengimport  
Kelengkapan Elektrik

Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN: PENGUATKUASAAN MALAYSIAN STANDARD (MS) BAGI  
KELENGKAPAN ELEKTRIK PETI SEJUK, PENGHAWA DINGIN, TELEVISYEN, KIPAS  
DOMESTIK & LAMPU.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Jabatan Kawalselia Keselamatan Elektrik merupakan jabatan yang mengeluarkan perakuan kelulusan (COA) bagi kelengkapan elektrik yang dikawal. Kelengkapan elektrik seperti peti sejuk, penghawa dingin, televisyen, kipas domestik dan lampu merupakan kelengkapan yang perlu mematuhi keperluan standard keselamatan elektrik dan *Minimum Energy Performance Standards* (MEPS). Mulai **1 September 2015**, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menetapkan kelima-lima kelengkapan tersebut supaya memenuhi kehendak standard Malaysia (MS) berkaitan MEPS.

3. Bersama-sama ini, seperti di **Lampiran 1** disertakan salinan penetapan tersebut yang membawa maksud penguatkuasaan standard MEPS yang perlu dipatuhi oleh semua pengilang dan pengimport. Sebarang pertanyaan lanjut mengenainya boleh menghubungi En. Zulkiflee bin Umar di talian 03-8870 8532 atau emel: [zulkiflee@st.gov.my](mailto:zulkiflee@st.gov.my).

Sekian, terima kasih.



**MOHD ELMI BIN ANAS**

Pengarah  
Jabatan Kawalselia Keselamatan Elektrik  
Suruhanjaya Tenaga

s.k:

1. Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga
2. Pengarah  
Jabatan Pembangunan Pengurusan Tenaga & Kualiti Perkhidmatan  
Suruhanjaya Tenaga



Ruj Kami : ST(IP/PPTKP/DSM)13/25  
 Tarikh : 28 Ogos 2015

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
 No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
 62100 Putrajaya, Malaysia.  
 T: +603 8870 8504 F: +603 8888 8633  
 Toll Free : 1-800-2222-78

Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer



**Pengarah Urusan**  
**SIRIM QAS International Sdn Bhd**  
 Blok 8, Kompleks SIRIM  
 1, Persiaran Dato' Menteri  
 40000 Shah Alam, Selangor

**Pengarah Urusan**  
**QAV Technologies Sdn Bhd**  
 116, Lintang, Kg. Jawa  
 NFIZ 3, Taman Perindustrian Bayan Lepas  
 MK. 12, 11900 Pulau Pinang

Tuan,

**MAKLUMAN PENGUATKUASAAN MALAYSIAN STANDARD (MS) BAGI  
 KELENGKAPAN ELEKTRIK PETI SEJUK, PENGHAWA DINGIN, TELEVISYEN,  
 KIPAS DOMESTIK DAN LAMPU**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa mulai 1 September 2015, semua permohonan untuk mendapatkan perakuan kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga bagi kelengkapan elektrik iaitu peti sejuk, penghawa dingin, televisyen, kipas domestik dan lampu hendaklah memenuhi kehendak *Malaysian Standard (MS)* berkaitan *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)* seperti berikut:

MS 2595:2014	Minimum Energy Performance Standards for Refrigerator
MS 2597:2014	Minimum Energy Performance Standards for Air-Conditioner
MS 2576:2014	Minimum Energy Performance Standards for Television
MS 2574:2014	Minimum Energy Performance Standards for Domestic Fan
MS 2598:2014	Minimum Energy Performance Standards for Lamp

3. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Tenaga berharap agar pihak tuan dapat mengambil tindakan sewajarnya termasuk untuk memaklumkan dan memberikan khidmat nasihat kepada pihak pengilang dan pengimport mengenai keperluan mematuhi standard-standard berkenaan bagi tujuan permohonan perakuan mengilang, mengimport, menjual dan mempamer kelengkapan elektrik yang terlibat.

Sekian.



**DATUK IR. AHMAD FAUZI BIN HASAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga